



Manuscript Title: Makna Bencana Dalam Ruang Dan Angka: COVID-19 Sebagai Peristiwa
Berita Dalam Akhbar Di Malaysia

Authors: Rohizah Halim, Pin Wooi Tan and Peshamini Munusamy

Accepted Date: 11-June-2024

Please cite this article as: Rohizah Halim, Pin Wooi Tan and Peshamini Munusamy. Makna Bencana Dalam Ruang Dan Angka: COVID-19 Sebagai Peristiwa Berita Dalam Akhbar Di Malaysia. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

Kajian Malaysia, (early view)

**MAKNA BENCANA DALAM RUANG DAN ANGKA: COVID-19
SEBAGAI PERISTIWA BERITA DALAM AKHBAR DI MALAYSIA**

***THE MEANING OF DISASTER IN SPACE AND NUMBERS: COVID-19 AS
NEWS EVENTS IN NEWSPAPERS IN MALAYSIA***

Rohizah Halim*, Pin Wooi Tan and Peshamini Munusamy

School of Languages, Civilisation and Philosophy, Universiti Utara Malaysia,
Kedah, Malaysia

*Corresponding author: rohizah@uum.edu.my

ABSTRACT

News articles reflect both the organizational and the wider socioculturo-politico-economic practices or a particular society the newspapers are operating under. The influence of these practices are not always visible to the general public and to varying degrees. Publication practices can be more visible in how newspapers report on certain news events, such as placement, article size and the type of sources. The socioculturo-politico-economic influence tend to be writ large when the news events being reported involved issues of ideological differences or group conflict. These ideas will be explored, analyzed and discussed in the paper. The COVID-19 pandemic is a global event, so questions can pondered on how organization and society exert their influence in the way Malaysian newspapers reported on COVID-19. Consequently, four newspapers representative of Malaysia – Berita Harian, The Star, Sin Chew Daily and Makkal Osai – are chosen to answer the question as to how organizational and societal influences impinged on COVID-19 as a news event. Findings from the output perspective confirm the idea that organizational pressure exerted more influence on the reporting of COVID-19 in Malaysia newspapers. On the other hand, the nature of the pandemic makes it harder to distinguish the influence of sociocultural practices, while political and economic influences are factors that can be more clearly seen as organizationally related. The paper concludes that the wider sociocultural impact on news production practices cannot be clearly comprehended just by looking at newspapers as physical entities. These factors can only be understood through deeper analysis of the news articles and the centering of the texts as data.

Keywords: COVID-19, news reports, Malaysia, news event

© Penerbit Universiti Sains Malaysia. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

ABSTRAK

Laporan akhbar menggambarkan amalan organisasi selain daripada amalan sosiobudaya-ekonomi-politik sesebuah masyarakat. Pengaruh amalan penerbitan dan amalan sosiobudaya-ekonomi-politik tidak sama dari segi kejelasan kehadiran. Amalan penerbitan boleh jadi lebih ketara dalam cara akhbar melaporkan suatu peristiwa berita. Sementara pengaruh sosiobudaya-ekonomi-politik menjadi lebih jelas apabila peristiwa yang dilaporkan melibatkan konflik, seperti ketegangan antara kumpulan atau ideologi. Pandangan ini mempengaruhi persoalan dan kaedah kajian yang diguna pakai dalam kertas kerja ini. COVID-19 sebagai peristiwa berita ialah isu yang melibatkan masyarakat dunia. Persoalan timbul tentang pengaruh sosiologi organisasi dan latar sosiobudaya-ekonomi-politik terhadap strategi pelaporan yang terdapat dalam akhbar-akhbar di Malaysia. Oleh itu, empat akhbar – Berita Harian, The Star, Sin Chew Daily dan Makkal Osai – dipilih untuk meneliti tentang pengaruh amalan organisasi dan pengaruh kemasyarakatan dalam COVID-19 sebagai peristiwa berita. Dapatan daripada aspek output akhbar mengiyakan pandangan bahawa amalan organisasi lebih jelas mempengaruhi penerbitan berita dan sebagai aspek yang paling ketara dapat dilihat. Sementara itu, pengaruh budaya, politik dan ekonomi tidak boleh diperjelaskan dengan hanya melihat maklumat angka dan ruang, sebaliknya memerlukan penelitian mendalam tentang teks berita yang dihasilkan.

Kata kunci: COVID-19, laporan akhbar, Malaysia, peristiwa berita

PENGENALAN

Berita akhbar tidak dilaporkan begitu sahaja, sebaliknya melalui proses tertentu sebelum disiarkan di dada akhbar. Proses penghasilan berita akhbar menghasilkan teks yang membawa makna yang berkait dengan kedudukan akhbar sebagai artefak sosiobudaya. Sesebuah teks berita yang dihasilkan menunjukkan sifat tertentu yang menggambarkan genre yang difaham dan diterima sebagai wacana berita akhbar. Dalam konteks ini, penggunaan fitur genre dan wacana berkait dengan proses penerimaan oleh pembaca. Contohnya, pengklasifikasian item berita dalam ruangan tertentu, penstrukturan maklumat dalam berita keras dan berita lembut, penggunaan sumber berita, dan penonjolan peristiwa tertentu merupakan aspek yang jelas dapat dilihat dalam akhbar. Kesemua aspek ini mempunyai kaitan dengan bentuk teks, iaitu genre, dan pemahaman umum tentang akhbar sebagai jenis wacana berita. Sebaliknya, aspek yang sedikit sukar untuk dilihat ialah aspek sosiologi organisasi berita dan pengaruh persekitaran sosiobudaya-ekonomi-politik dan pengaruh terhadap penerbitan berita.

Pengaruh institusi atau sosiologi bilik berita terhadap penghasilan berita telah dibincangkan oleh sarjana media (White, 1950; Breed, 1955; Petrow, 1982; Singer, 2005; Bunce, 2017; Westlund & Ekström, 2019; Prodnik & Vobič, 2023) dan menunjukkan bahawa amalan institusi dan sosiologi bilik berita bergabung dengan persekitaran ekonomi (Lowry, 2011) dan sosiobudaya (Blumler & Esser, 2019) kerana berita yang dihasilkan oleh wartawan dan organisasi berita dipengaruhi oleh amalan profesionalisme kewartawanan, institusi media sebagai entiti perniagaan dan persekitaran kemasyarakatan. Persoalan yang ingin ditimbulkan ialah, bagaimanakah COVID-19 sebagai sebuah peristiwa berita dilaporkan dalam akhbar-akhbar di Malaysia? Bagaimanakah COVID-19 sebagai peristiwa berita menunjukkan pengaruh amalan institusi dan identiti sosiobudaya-ekonomi politik masyarakat pembaca mereka? Dan adakah akhbar vernakular (*Sin Chew Daily* dan *Makkal Osai*) berbeza dengan akhbar arus perdana (*Berita Harian* dan *The Star*) dalam liputan tentang COVID-19? Dan adakah maklumat tentang jumlah dan ruangan berita dapat membongkar jawapan kepada persoalan ini.

Penyebaran ideologi oleh organisasi media dan pengaruh sosiobudaya dalam teks berita boleh dilihat daripada perbincangan tentang kandungan berita. Elemen seperti penggunaan sumber dalam berita, penggunaan bahasa dan penstrukturan maklumat yang terdapat dalam berita telah ditunjukkan sebagai tindakan berideologi oleh pihak akhbar dalam mempersembahkan sesuatu peristiwa kepada pembacanya. Kajian daripada Glasgow University Media Group (Quinn, 2010) dan daripada sarjana dalam bidang linguistik kritis (Fairclough, 1995), contohnya menunjukkan bahawa sosiologi bilik berita mempengaruhi penerbitan berita dengan membawa ideologi yang bertindak secara senyap dalam memaknakan suatu peristiwa berita.

Selain itu, akhbar turut mempengaruhi pemahaman tentang peristiwa melalui tindakan pembahagian berita kepada ruangan tertentu. Secara umumnya, akhbar menerbitkan peristiwa berita dalam bentuk berita keras dan berita lembut. Berita keras ialah selalunya berita politik dan berita perniagaan, peristiwa yang mempunyai tarikh luput dan cenderung difahami sebagai menyampaikan maklumat secara terus. Sebaliknya, ruangan pendapat (juga dikenali sebagai editorial) dan berita lain seperti hiburan dan yang berkenaan dengan budaya dan minat insani (*human interest*) tidak dikaitkan dengan tarikh luput. Sebagai amalan, berita lembut banyak disiarkan pada hari minggu (Sabtu dan Ahad) dan dalam ruangan atau halaman yang terletak di tengah akhbar.

Makalah ini menumpukan perbincangan untuk mengenal pasti sama ada ruangan akhbar dan fokus pemberitaan COVID-19 dalam akhbar boleh difahami sebagai satu proses pemaknaan tentang COVID-19 sebagai satu peristiwa bencana.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Sebagai satu konsep, secara umumnya, berita (*news*) boleh difahami sebagai maklumat tentang sesuatu perkara atau peristiwa yang disampaikan secara lisan atau bertulis. Namun, dalam konteks yang lebih khusus, berita dikaitkan dengan penyampai. Dalam konteks ini, berita difahami sebagai maklumat yang disampaikan atau ditemui dalam media. Dalam erti kata lain, berita ialah maklumat tentang sesuatu perkara atau peristiwa yang dibaca dalam akhbar (bercetak atau sebaliknya), didengar (melalui radio, contohnya) atau ditonton (dan didengar) melalui televisyen. Berita dihasilkan oleh organisasi berita. Dalam dunia kontemporari, konsep organisasi berita dan penghasilan atau penyampaian berita mungkin boleh diperdebatkan dan diperhalusi, namun peranan serta pengaruh yang terdapat pada institusi atau organisasi berita konvensional masih dilihat relevan.

Organisasi media menghasilkan berita secara berkala – setiap hari atau setiap minggu atau setiap bulan – yang akan mempengaruhi amalan kerja organisasi tersebut dalam mengutip dan mempersiapkan bahan untuk diterbitkan. Ini memberikan makna bahawa berita ialah komoditi. Dalam erti kata ini, berita mempunyai tarikh luput dengan jangka hayat yang sangat pendek. Hal ini berkaitan dengan peristiwa yang dilaporkan dan konsep peristiwa itu sendiri. Peristiwa berita (*news event*) ialah peristiwa yang dinilai sebagai bersesuaian dan dapat disiarkan oleh organisasi media. Peristiwa ini mestilah peristiwa yang sedang atau baru berlaku. Konsep lain yang berkaitan dengan konsep peristiwa berita ialah nilai berita (*newsworthiness* atau *news value*) (Harcup & O'Neill, 2016). Konsep nilai berita sangat berkait rapat dengan amalan penerbitan dan persekitaran sosiobudaya-ekonomi-politik sesebuah masyarakat. Antara elemen yang disenaraikan dalam perbincangan tentang nilai berita ialah konflik, impak, unik dan tidak dijangka, kejelasan dan hampir (atau *proximity* dalam konteks geografi dan budaya). Peristiwa yang mempunyai banyak elemen tersebut akan lebih cenderung dilaporkan oleh organisasi media. Peristiwa berita yang diterbitkan akan kemudiannya dilaporkan mengikut kaedah organisasi berita yang dilingkari oleh kehendak persekitaran sosiobudaya-ekonomi-politik masyarakat.

Penyelidikan akhbar di Malaysia mempunyai kecenderungan untuk menumpukan perhatian kepada teks akhbar arus perdana dan tidak menyeluruh kepada akhbar vernakular. Sarjana media memegang pandangan bahawa akhbar tidak wujud dalam vakum dan bergantung kepada persekitaran kemasyarakatan untuk

memberikan makna kepada sesebuah peristiwa berita. Pendefinisian akhbar arus perdana dalam konteks Malaysia boleh dilihat sebagai lebih rencam daripada yang difahami ramai. Dalam masyarakat yang homogen atau sosialis, atau dalam masyarakat yang tidak mempunyai kepelbagaian budaya dan bahasa seperti Malaysia, proses pemaknaan sesebuah peristiwa berita tentulah berbeza. Setiap negara mempunyai media yang menggambarkan masyarakat mereka.

Pengetahuan yang diperoleh hasil daripada kajian ini akan menambah pengetahuan tentang pengaruh kemasyarakatan dan sistem ekonomi-politik terhadap produk media. Dapatan kajian ini turut diharap akan dapat memberikan pengetahuan akan perhubungan timbal balik antara akhbar dengan persekitaran sosiobudaya dan sosiopolitik yang memungkinkan kehadiran akhbar tersebut. Usaha memahami kaedah pemaknaan oleh akhbar terbabit dapat memperjelaskan lagi perhubungan wacana media dan masyarakat, terutamanya masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Selain itu, sebagai peristiwa berita, COVID-19 ialah lembaran baharu dan unik dalam tamadun manusia dengan impak yang tidak dapat difahami sepenuhnya sekarang.

COVID-19 didefinisikan sebagai pandemik, dalam erti kata sebaran suatu penyakit berjangkit secara tersebar secara mudah dan meluas dalam suatu waktu tertentu. Pandemik dibezakan daripada epidemik dalam erti kata epidemik terhadap kepada kawasan tertentu sahaja. Dalam sejarah dunia, pandemik seperti kolera, wabak atau Wabak Hawar (*plague/Black Plague*) dan influenza telah mempunyai pengaruh dalam membentuk dan mengubah ketamadunan manusia. Sebagai peristiwa berita, COVID-19 jelas mempunyai elemen peristiwa berita yang bernilai tinggi kerana impak yang tinggi kepada masyarakat dunia. Oleh itu, COVID-19 akan menjadi peristiwa berita yang merentas akhbar dan sempadan budaya dan geografi. Persoalannya, apakah semua akhbar akan melaporkan COVID-19 dengan cara yang serupa? Jika wujud persamaan, apakah persamaan tersebut, dan apakah pemahaman yang boleh didapati daripada kaedah pelaporan tersebut?

Media berita ialah saluran utama kepada orang awam untuk mendapatkan maklumat tentang bencana seperti pandemik. Hal ini kerana nilai bencana sebagai berita dan aspek pengurusan bencana yang memusatkan maklumat kepada pihak berwajib menjadikan jurucakap kerajaan sebagai sumber penting kepada akhbar untuk mendapatkan berita. Hal ini disebut oleh Pantti et al. (2012) yang mengkonsepsikan pendekatan terhadap pelaporan bencana kepada tiga bentuk pemahaman utama: kejutan bencana, fokus kepada peristiwa dan pengindeksan elit (*elite indexing*). Hal ini menggarisbawahkan kebergantungan media kepada pemaknaan bencana seperti COVID-19 sebagai tindak balas kerajaan.

Dalam masyarakat kontemporari, media sosial semakin menjadi sumber utama anggota masyarakat mendapatkan maklumat. Nielsen et al. (2020) mendapati bahawa dua jenis responden; iaitu yang mempunyai tahap pendidikan rendah dan yang berumur muda cenderung mendapatkan maklumat daripada media sosial dan aplikasi mesej. Walau bagaimanapun, kesemua responden didapati menaruh kepercayaan kepada pakar kesihatan seperti saintis dan doktor yang lebih cenderung muncul dalam media konvensional. Dalam hal ini, perhubungan elit sosiobudaya-politik dan media menjadikan maklumat lebih mudah diterima sebagai sahih apabila muncul dalam akhbar dan saluran berita dengan reputasi yang diterima secara rasmi. Organisasi media yang wujud hasil daripada perkembangan media baharu bermasalah kerana suara mereka terlalu mencapah. Tambahan lagi, cara kerja mereka tidak mempunyai ketelusan dan daya tarikan mereka kepada pembaca menjadikan mereka tidak bersedia untuk menyederhanakan agenda yang dilihat terlalu partisan. Dalam konteks ini, amalan pengesah tarafan akhbar arus konvensional perdana dapat dilihat sebagai kekuatan mereka.

Dalam isu COVID-19, penyebaran maklumat yang dapat dipercayai mempunyai kepentingan tersendiri (Richtel, 2020, United Nations, 2020) dan penyelidikan khusus untuk menangani penyebaran maklumat salah (*disinformation*) merupakan satu daripada topik yang menonjol (Jo et al., 2020, Zhou et al., 2020; Hadlington et al., 2023). Sifat media baharu menyebabkan aliran perkongsian tidak dapat dibendung (Wong, 2020), dan terciptalah perkataan baharu, 'infodemik' yang menyerlahkan bahawa penyelidikan tentang media baharu dan media konvensional mempunyai kepentingan dan sumbangan yang tersendiri. Tambahan lagi, media konvensional lebih berkemungkinan untuk memaklumkan kepada masyarakat tentang maklumat yang salah (Martins et al., 2018) yang seterusnya membawa kepada penyebaran maklumat secara lebih bertanggungjawab.

Selain itu, terdapat aspek yang berkait dengan ciri-ciri media tempatan yang menyebabkan penyelidikan ini memilih untuk menumpukan kepada akhbar konvensional arus perdana. Terdapat hujah yang kuat (Djerf-Pierre & Shehata, 2017) untuk mempercayai bahawa dalam kes pelaporan bencana semula jadi seperti pandemik COVID-19, akhbar konvensional mempunyai tahap kepercayaan tinggi daripada masyarakat. Di Malaysia, kewujudan masyarakat berbilang kaum turut mempengaruhi media berita. Terdapat akhbar vernakular di samping akhbar yang berbahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris. Malahan, akhbar vernakular terutama yang berbahasa Cina dapat dianggap sebagai akhbar yang lebih berjaya berbanding akhbar berbahasa Melayu. Contohnya, syarikat yang menerbitkan akhbar *Utusan Malaysia* telahpun menutup operasi akhbar tersebut pada Oktober 2019 kerana masalah kewangan, hutang dan penurunan jumlah edaran. Akhbar berbahasa Melayu dan akhbar vernakular mempunyai

agenda yang rapat dengan komuniti bahasa masing-masing dan persoalan yang boleh ditimbulkan ialah bagaimanakah pelaporan akhbar tentang isu umum dipengaruhi oleh aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik? Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti kaedah liputan akhbar bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan akhbar vernakular berkenaan peristiwa berita COVID-19.

Terdapat beberapa penyelidikan yang khusus melihat kepada COVID-19 dan media konvensional. Al-Afnan (2020) yang mengkaji akhbar *Washington Post* dan *Chinese People's Daily* mendapati ideologi dan bias media bergerak sederhana dalam liputan berita akhbar. Akhbar-akhbar tersebut memenuhi agenda liputan mereka melalui pemilihan topik, nada pemberitaan, penonjolan dan pelatarbelakangan dan pengarusperdanaan untuk menyorotkan berita yang disiarkan dengan ideologi yang menyokong negara mereka.

Parvin et al. (2020) yang mengkaji laporan akhbar berbahasa Inggeris di China dan Jepun selama tiga bulan (Januari-Mac) melaporkan bahawa media kedua-dua negara dikesan mengubah fokus pelaporan COVID-19 mereka dalam tempoh tersebut daripada berkaitan dengan kesihatan dan persediaan kepada isu-isu ekonomi, politik dan kesejahteraan sosial (*social welfare*). Akhbar China didapati lebih menumpukan perbincangan kepada isu tadbir urus dan kesejahteraan sosial, sementara akhbar Jepun memfokuskan kepada politik global. Maklumat ini juga boleh ditemui dalam bentuk asas dengan melihat kepada ruangan akhbar yang menyiarkan berita tersebut.

Papapicco (2020) yang mengkaji isu COVID-19 dari aspek komunikasi kewartawanan mendapati bahawa pelaporan peristiwa berita dalam akhbar di Itali mengikut format berita berlanjutan (*continuing news*) dalam kerangka memberikan kaedah untuk melaporkan berita; kaedah yang dirujuk oleh Tuchman (1973) sebagai berita sebagai rutin kerja. Media Itali menggunakan aspek masa, tempat, pelaku kerana COVID-19 dilaporkan dari perspektif penyebaran virus, kaedah penularan dan tindakan pencegahan. Dapatan beliau juga menunjukkan kehadiran kaedah liputan peristiwa yang terletak antara isu sebagai kejadian kecemasan dan keperluan untuk organisasi media menjalankan kerja mereka. Papapicco (2020) menyimpulkan bahawa laporan akhbar di Itali tidak meredakan malah menambah kepada ketidaktentuan maklumat dan pembentukan representasi sosial yang berbeza tentang pandemik tersebut.

Kajian Mahima et al. (2020) yang melihat akhbar vernakular di Kannada, India mendapati bahawa akhbar menjalankan tugas dengan baik walaupun didapati cenderung melaporkan COVID-19 sebagai data statistik. Walau bagaimanapun, akhbar berusaha untuk menyampaikan panduan berkaitan langkah pencegahan dan maklumat terkini tentang penularan kes. Pengkaji ini berharap bahawa akhbar dapat meningkatkan kualiti laporan dengan menggunakan pendekatan

kewartawanan kesihatan yang lebih berkesan dengan meningkatkan kandungan yang lebih saintifik.

Perbincangan Sue (2022) menumpukan kepada laporan akhbar SCD di Malaysia. Beliau meneliti 485 teks berita untuk memahami corak pelaporan dan pbingkaian yang digunakan oleh akhbar tersebut. Kesimpulan menunjukkan bahawa pbingkaian COVID-19 adalah bersesuaian dengan pemahaman bahawa berita tersebut dalam fasa pandemik dan endemik adalah bergantung kepada elit sosiopolitik dengan sumber elit politik dan organisasi rasmi ditonjolkan secara meluas. Dapatan ini mengiyakan pandangan dan perbincangan daripada Tuchman (1972; 1973; 1978), Lowry (2011) dan seterusnya Prodnik dan Vobič (2023). Berita yang dihasilkan oleh bilik berita yang semakin tertekan dengan hambatan kewangan akan lebih cenderung untuk mengekalkan amalan pemberitaan dan kurang bermotivasi untuk melakukan inovasi.

Jumlah dan kepanjangan masa liputan sesuatu peristiwa berita ialah satu cara akhbar menunjukkan kepentingan yang dibawa oleh sesuatu peristiwa berita. Krawczyk (2021) mengumpulkan 26 juta teks berita halaman depan 172 akhbar daripada 11 buah negara pada tahun 2020 (Januari-Oktober) untuk mengenal pasti tema utama liputan pandemik dan perbezaan emosi yang dibawa oleh liputan tersebut. Dapatan bahawa lebih daripada seperempat daripada keseluruhan jumlah berita muka hadapan melaporkan peristiwa COVID-19 dengan sentimen positif dan tema liputan akhbar berbentuk heterogen dari segi kandungan.

Tindakan membahagikan peristiwa berita kepada ruangan membawa makna yang boleh dikaitkan dengan amalan penghasilan berita. Bilik berita dibahagikan kepada unit tertentu dengan kepakaran tertentu yang dipupuk oleh pihak organisasi. Selain itu, penggunaan sumber akan lebih efektif melalui pembahagian tugas. Dalam erti kata ini, tindakan membahagikan berita boleh difahami sebagai tindakan berideologi yang boleh mempengaruhi cara suatu peristiwa berita disampaikan kepada pembaca akhbar dan orang awam. Rohizah Halim (2012) mendapati bahawa berita tentang perang dalam akhbar *Daily Telegraph* dilaporkan sebagai berita perniagaan, berita sukan dan berita hiburan serta turut ditemui dalam ruangan surat daripada pembaca. Dapatan menunjukkan bahawa dalam berita perniagaan, perang dilihat sebagai isu yang mempengaruhi ekonomi dan saham. Perang sebagai satu perniagaan yang menguntungkan industri senjata – Britain mempunyai industri senjata – tidak disentuh oleh akhbar tersebut. Kajian daripada Boiral et al. (2021) tentang COVID-19 sebagai berita perniagaan dari Mac hingga Mei 2020 menyimpulkan bahawa akhbar merupakan sumber utama kepada pemimpin korporat dalam mendapatkan maklumat untuk merangka tindakan dan inisiatif berbentuk praktikal dalam menangani kesan COVID-19 kepada organisasi mereka.

Oleh itu, tumpuan perbincangan dalam makalah ini diharapkan dapat menyumbang ke arah memperjelaskan lagi peranan media dalam memaknakan bencana seperti COVID-19 melalui amalan pelaporan mereka.

KAEDAH

Data dikutip daripada empat akhbar yang diterbitkan di Malaysia. Keempat-empat akhbar ini dipilih untuk melihat kaedah pemaknaan COVID-19 sebagai peristiwa berita daripada perspektif akhbar yang mempunyai agenda dan kaedah tersendiri tentang cara mereka melihat tugas mereka dalam konteks perhubungan akhbar dengan masyarakat pembaca. Akhbar-akhbar tersebut ialah *Berita Harian* (BH), *Makkal Osai* (MO), *The Star* (TS) dan *Sin Chew Daily* (SCD). BH diterbitkan dalam bahasa Melayu; MO diterbitkan dalam bahasa Tamil; TS diterbitkan dalam bahasa Inggeris, sementara SCD diterbitkan dalam bahasa Mandarin.

Data dikutip selama 16 hari, iaitu dari 10 Mac 2020 hingga 25 Mac 2021. Tarikh ini dipilih untuk melihat sama ada terdapat perbezaan terhadap trend liputan kerana pemahaman yang dibentuk ialah pelaporan peristiwa berita mempunyai perkaitan dengan pendefinisian dan pembingkaiian (*framing*) peristiwa yang disarankan oleh pihak elit sosiopolitik. Pada 18 Mac 2020, Malaysia mengisytiharkan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) selama dua minggu (15 hari) yang mengehadkan pergerakan rakyat Malaysia sebagai tindak balas drastik kerajaan untuk membendung penularan COVID-19. Tindakan ini mengumumkan bahawa kerajaan memandang serius isu COVID-19. Oleh itu, keputusan dibuat untuk mengutip data dalam jangka masa seminggu sebelum dan seminggu selepas PKP diumumkan; iaitu 10 Mac sehingga 25 Mac 2020.

Kaedah pengumpulan teks berita dilakukan dengan menggunakan kata carian 'COVID-19' atau padanannya dalam bahasa Tamil dan Mandarin. Perkataan lain seperti 'pandemik', 'corona', 'virus' (dalam erti kata merujuk kepada COVID-19 secara khusus dan bukan dalam erti kata umum) dan 'coronavirus' turut diterima sebagai kata carian. Walaupun tarikh pengumpulan data bertitik-tolak dari permulaan PKP, frasa 'perintah kawalan pergerakan' tidak dijadikan kata carian. Semua halaman dan ruangan kecuali halaman, ruangan atau teks iklan diteliti untuk dikumpulkan menjadi data.

Kesemua akhbar yang menjadi data kajian ialah akhbar bercetak yang diterbitkan dalam bentuk digital. Data BH dan TS dikumpulkan daripada aplikasi pelantar media *PressReader.com* yang dilanggan khusus untuk tujuan ini. SCD juga dilanggan dalam bentuk digital yang dimuat turun dalam fail berbentuk pdf,

sementara data MO diperolehi secara percuma dengan kerjasama daripada pihak pengurusan akhbar yang memberikan akses akhbar dalam bentuk .pdf.

Secara umumnya, kesemua akhbar menghasilkan beberapa ruangan tetap dan ruangan mingguan seperti berita dalam negara, berita luar negara, berita perniagaan, berita sukan, berita hiburan serta ruangan editorial (atau *op-ed* seperti minda pengarang, beberapa ruangan penulis tetap dan surat daripada pembaca). Pada hari-hari tertentu, contohnya pada hari Sabtu dan Ahad, akhbar akan mempunyai ruangan istimewa dan tambahan yang memuatkan berita berkaitan gaya hidup dan budaya dengan item berita tentang fesyen, pendidikan dan kesusasteraan. Setiap item berita atau artikel dalam ruangan tetap dan ruangan tambahan yang menyebut tentang COVID-19 – walaupun sekali – akan dikumpulkan sebagai data dan disenaraikan dengan mengambil kira tarikh dan ruangan. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas, tahap pertama memerlukan penyelidikan menterjemahkan ruangan dalam akhbar untuk SCD dan MO. Sementara itu, data yang dikutip daripada TS tidak akan melalui proses terjemahan ke dalam bahasa Melayu.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Akhbar merupakan jenis teks yang boleh dinilai dan difahami dari segi bahasa, genre dan wacana. Dari segi wacana, semua akhbar menggunakan amalan ruangan untuk melaporkan berita. Ruangan yang digunakan membahagikan peristiwa berita yang dilaporkan sebagai berita dalam negeri, luar negeri, perniagaan dan sukan. Terdapat juga berita hiburan dan berita lain yang lebih cenderung dilaporkan dalam ruangan supplemen yang disiarkan pada hujung minggu (hari Sabtu dan Ahad) dengan berita yang berfokus kepada fesyen, riadah, pendidikan dan lain-lain. Dari segi genre, teks berita akhbar juga boleh difahami dari segi bentuk; iaitu bentuk keras dan berita lembut. Selain daripada amalan penerbitan, pembahagian keras dan lembut juga melibatkan kaedah pembinaan teks. Kesemua berita boleh dilihat sebagai berbentuk naratif, namun berita keras dibina dengan struktur piramid terbalik.

Dalam kerangka kritis, pemberian ruangan, pembentukan dan binaan teks dilihat sebagai satu amalan yang berupaya untuk mempengaruhi pengetahuan pembaca tentang sesuatu peristiwa berita, selain daripada dilihat sebagai satu tindakan berideologi daripada pihak penghasil berita; iaitu pekerja berita dan organisasi berita. Dapatan daripada analisis tentang ruangan akhbar dan bentuk berita yang menyiarkan berita tentang COVID-19 berupaya merungkaikan makna COVID-19 sebagai peristiwa berita.

Perbincangan dapatan akan dilakukan dengan memberikan perhatian kepada angka atau jumlah item berita COVID-19 yang dikumpulkan daripada akhbar-akhbar tersebut. Selepas itu, perbincangan akan bergerak kepada ruangan yang melaporkan COVID-19 sebagai peristiwa berita. Maklumat tentang jumlah dan ruangan berita dapat memberitahu kita tentang tumpuan yang diberikan oleh akhbar terhadap COVID-19 sebagai peristiwa berita.

Dari segi kutipan data keseluruhan, sudah tentu COVID-19 akan menunjukkan seolah-olah tiada berita lain selain daripada COVID-19. Jumlah berita yang terkumpul menunjukkan bahawa isu pandemik menjadi tumpuan utama pelaporan akhbar. Jadual 1 menunjukkan jumlah keseluruhan berita yang disiarkan oleh semua akhbar yang dikaji.

Jadual 1: Jumlah Berita Yang Menyebut Tentang COVID-19

Bil	Akhbar	Jumlah Teks Berita
1	Sin Chew Daily	1,704
2	The Star	1,343
3	Berita Harian	701
4	Makkal Osai	693

Hal ini bersamaan dengan kesimpulan yang dilakukan oleh Krawczyk et al. (2021). Kajian ini yang mengumpulkan data daripada 172 sumber berita dalam talian (atau 26 juta artikel berita) menyimpulkan bahawa jumlah yang tinggi ini menunjukkan berlakunya lebih maklumat kepada orang awam.

Peristiwa Berita COVID-19 Dalam Angka

Setelah maklumat awal dikumpulkan, dapat dilihat trend tentang pelaporan COVID-19 sebagai peristiwa berita dalam empat akhbar di Malaysia. Jadual 1 ini tidak menyenaraikan semua maklumat tentang jumlah berita untuk keseluruhan 16 hari dalam akhbar yang dikumpulkan. Perbincangan kali ini hanya akan membincangkan dapatan awal yang dapat difahami daripada data yang dikutip. Maklumat awal ini memberitahu kita bahawa COVID-19 dilaporkan dengan jumlah yang tinggi dalam kesemua akhbar, namun SCD mempunyai jumlah berita paling banyak tentang perkara ini, diikuti oleh TS dan MO. BH menghasilkan jumlah berita yang paling rendah daripada keempat-empat akhbar yang dijadikan data. Maklumat ini boleh difahami sebagai BH mempunyai peristiwa lain yang dilihat sebagai lebih bernilai.

Daripada 16 hari yang dipilih untuk dijadikan tarikh pengumpulan data, tarikh 10 Mac 2020 merupakan tarikh edisi naskhah yang paling sedikit menyiarkan tentang COVID-19. Akhbar TS dan BH menumpukan perhatian kepada kemelut

politik yang melanda Malaysia dengan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan kabinet baharu beliau. Namun, dalam tarikh ini, bilangan item berita yang dikutip daripada SCD adalah hampir sekali ganda lebih tinggi daripada bilangan item berita yang disiarkan oleh BH dan tiga kali lebih tinggi daripada MO yang mencatatkan jumlah paling rendah pada 10 Mac dan 11 Mac. Untuk penghasilan item berita dengan jumlah tertinggi pula, BH mencatatkan jumlah paling rendah berbanding dengan akhbar yang lain. Jadual 1 menunjukkan, jika dilihat daripada jumlah item berita tertinggi, tiada persamaan dari segi tarikh. BH dilihat lebih cepat untuk menunjukkan bahawa COVID-19 ialah isu yang penting dengan mencatatkan jumlah item laporan tertinggi pada 18 Mac, sesuai dengan pemahaman bahawa terdapat kelewatan dalam melaporkan sesuatu berita kerana kesenggangan antara waktu peristiwa berita terjadi dan tarikh peristiwa itu disiarkan dalam akhbar.

Jadual 2: Jumlah dan trend laporan berita tentang COVID-19 dalam akhbar

Akhbar	Jumlah keseluruhan item berita yang menyebut tentang COVID-19	Tarikh keluaran dan jumlah item berita paling tinggi	Tarikh keluaran dan jumlah item berita paling rendah
<i>Sin Chew Daily</i>	1704	20 Mac 144 item	10 Mac 58 item
<i>The Star</i>	1 343	24 Mac 118 item	10 Mac 31 item
<i>Makkal Osai</i>	834	22 Mac 79 item	10 & 11 Mac 14 item
<i>Berita Harian</i>	675	18 Mac 63 item	10 Mac 21 item

Keseriusan isu COVID-19 dan usaha untuk membendung penularan virus jelas apabila pada 16 Mac 2020, kerajaan Malaysia membuat pengumuman bahawa PKP akan dilaksanakan dua hari selepas itu, iaitu pada 18 Mac. Adakah tindakan ini mempengaruhi pelaporan akhbar? Jawapan yang diperolehi didapati tidak konklusif. SCD mencatatkan jumlah berita paling tinggi pada 20 Mac, MO pada 22 Mac, sementara TS mencatatkan jumlah tinggi pada tarikh yang juga agak lewat, iaitu pada 24 Mac. Namun, MO mencatatkan jumlah yang tinggi pada hari yang dijangkakan – Ahad – iaitu hari yang menerbitkan edisi yang paling tebal. Hanya BH yang memberikan keputusan yang dijangkakan dari segi tarikh.

Tiga akhbar – SCD, TS dan MO menunjukkan bahawa selepas pengumuman tentang PKP, akhbar yang disiarkan keesokan hari mencatatkan jumlah yang

tinggi dari hari sebelumnya. Hal ini menunjukkan bahawa pada waktu itu, COVID-19 boleh dilaporkan sebagai peristiwa kesihatan dan peristiwa kemasyarakatan. Jika sebelum ini, akhbar melaporkan dalam kerangka bencana kesihatan, sekarang isu turut boleh dilaporkan sebagai isu undang-undang.

Jadual 2 menunjukkan bahawa tiga akhbar – SCD, TS dan MO – mencatatkan jumlah item berita yang tinggi selepas tarikh 16 Mac, iaitu pada 17 Mac; sementara, BH tidak menunjukkan perubahan yang ketara sehingga pada edisi pada 18 Mac – hari pertama PKP 1.0 dilaksanakan. Jumlah dan tarikh-tarikh ini dapat dilihat sebagai bermakna kerana pemahaman tentang amalan penerbitan akhbar – iaitu aktiviti pengumpulan, penulisan, pencetakan dan pengedaran sesebuah edisi – dan kelewatan dalam melaporkan sesuatu peristiwa berita. Walau bagaimanapun, penjelasan tentang perbezaan jumlah berita keseluruhan antara BH dengan akhbar lain turut boleh difahami sebagai hasil daripada kaedah pengumpulan data.

Kumpulan penyelidik menggunakan kata carian COVID-19 dan perkataan atau istilah seumpamanya sebagai kaedah pengumpulan data, dan mengabaikan ‘perintah kawalan pergerakan’. Daripada aktiviti pengumpulan data, terdapat laporan berita BH yang hanya menumpukan kepada PKP dengan tidak melakukan sebarang rujukan tentang COVID-19 (dan perkataan lain yang berkaitan). Jadi, berkemungkinan besar, dalam melaporkan tentang PKP, BH kurang mengaitkan PKP dengan COVID-19, berbanding dengan akhbar-akhbar yang lain dalam data. Namun, para penyelidik juga melihat bahawa SCD, TS dan MO turut melaporkan tentang PKP sebagai berita tanpa menyebut tentang COVID-19 secara spesifik dan masih mencatatkan jumlah berita spesifik tentang COVID-19 yang lebih tinggi daripada BH dalam tempoh kutipan data.

Jadual 3: Jumlah item berita COVID-19 pada 16, 17 dan 18 Mac

Akhbar	16 Mac	17 Mac	18 Mac
<i>Sin Chew Daily</i>	94	125	120
<i>The Star</i>	65	85	93
<i>Makkal Osai</i>	44	63	70
<i>Berita Harian</i>	47	46	63

Secara umumnya, jumlah berita tentang COVID-19 menunjukkan peningkatan selepas 16 Mac 2020, namun sebagai peristiwa berita, trajektori peningkatan dalam akhbar SCD lebih jelas berbanding akhbar lain. Dalam SCD, dari 10 Mac hingga 16 Mac 2020, jumlah item berita COVID-19 dicatatkan dalam dua angka; tetapi selepas dari 17 Mac hingga 25 Mac 2020, item berita yang dihasilkan mencatatkan peningkatan kepada tiga angka. Sebaliknya, TS – akhbar kedua dalam senarai yang menerbitkan berita paling tinggi tentang COVID-19 – tidak

menunjukkan peningkatan kepada tiga angka sehingga untuk edisi 19 Mac 2020. Hal ini mungkin boleh difahami sebagai TS telah mencapai 'titik tepu' dalam penyiaran COVID-19 sebagai peristiwa berita dan tiada maklumat baharu untuk peningkatan baharu.

Peristiwa Berita COVID-19 Dalam Ruang (Dan Angka)

Sebagai peristiwa berita, COVID-19 muncul dalam semua ruang dalam akhbar yang dikaji. Seperti yang telah dinyatakan dalam perbincangan tentang kutipan dan pengumpulan data, ruang akhbar, umumnya terbahagi kepada berita dalam negeri, berita luar negeri, berita perniagaan dan berita sukan. Kesemua berita ini lebih cenderung berbentuk berita keras dan dari segi jumlah mendominasi ruang yang lain. Berita lembut lebih ketara disiarkan dalam berita hiburan dan berita budaya dan ruang pendapat (*opinion-editorial*). Kesemua akhbar melaporkan COVID-19 sebagai berita keras dan berita lembut atau rencana. Item berita tentang COVID-19 ditemukan dalam ruang berita nasional atau dalam negara, antarabangsa atau luar negara, ruang berita perniagaan, sebagai berita sukan, dan hiburan

Secara umumnya, akhbar-akhbar ini turut menunjukkan ciri amalan penerbitan tersendiri dari segi ruang dan penerbitan berita lembut. TS contohnya, mempunyai edisi tambahan (*supplementary edition*) untuk berita perniagaan dan berita yang berkaitan dengan budaya dan cara hidup, selain daripada tumpuan kepada negeri Pulau Pinang sebagai berita tentang wilayah. TS turut memberikan perhatian yang lebih luas kepada berita tentang Asia Tenggara melalui *StarAsean+*. Hal ini menjadikan jumlah item berita luar negara dalam TS lebih padat dan menyeluruh. *Berita Harian* mempunyai ruang khusus yang menampilkan rencana tentang agama Islam, sementara MO mempunyai ruang tetap yang melaporkan berita dari India. TS juga mempunyai ruang *In and Around China* yang semasa tempoh kajian banyak melaporkan tentang COVID-19 di China. Hal ini menunjukkan bahawa aspek sosiobudaya-ekonomi-politik dapat dilihat dalam akhbar di Malaysia.

Dari segi tarikh dan edisi, umum sedia mengetahui bahawa akhbar menerbitkan halaman tambahan untuk hari minggu seperti Sabtu dan Ahad. Edisi Sabtu dan Ahad dalam tempoh kutipan data jatuh pada 14 Mac dan 21 Mac (Sabtu); dan 15 Mac dan 22 Mac (Ahad). Pemahaman konvensional mengandaikan bahawa akan berlaku peningkatan item berita tentang COVID-19, terutamanya berita lembut (dalam bentuk rencana atau *feature articles*) pada tarikh-tarikh ini. Namun, tiada peningkatan signifikan dari segi jumlah berita untuk TS. Hal ini boleh difahami sebagai kurangnya usaha untuk memaknakan COVID-19 kepada pembaca dan amalan pemberitaan yang digunakan oleh akhbar di Malaysia. Perbincangan yang

dilakukan oleh Bosch dan Wasserman (2023) boleh diterapkan untuk memahami situasi ini. Tumpuan kepada sumber kerajaan, dan kerangka pelaporan COVID-19 sebagai isu keselamatan dan kesihatan mengehadkan perbincangan kepada kehidupan rakyat sehari-hari. Selain itu, amalan kuarantin oleh pihak kerajaan turut membataskan akhbar kepada usaha untuk melaporkan COVID-19 dalam kerangka personalisasi.

SCD pula menunjukkan bahawa jumlah berita yang menyebut tentang COVID-19 lebih tinggi pada hari Sabtu berbanding hari Ahad. MO menunjukkan sebaliknya dengan jumlah item berita yang tinggi pada 15 Mac (51 item) dan 22 Mac (79) berita berbanding pada hari sebelum atau selepas. Walau bagaimanapun, BH menunjukkan keadaan sebaliknya apabila pada 15 Mac (Ahad), jumlah berita COVID-19 mencatatkan angka yang rendah (29 item) berbanding 37 item pada hari sebelum (14 Mac, Sabtu) dan 47 item pada hari selepas (16 Mac, Isnin). Hal ini dapat dijelaskan oleh pengetahuan bahawa edisi Sabtu dan Ahad menyiarkan lebih banyak berita lembut yang boleh dirancang lebih awal, dan jumlah yang dicatatkan oleh BH mungkin menunjukkan bahawa akhbar ini tidak menghasilkan berita baharu dan meneruskan aktiviti penghasilan berita seperti biasa. Keadaan ini turut boleh diperjelaskan dengan pengetahuan bahawa promoter peristiwa berita – elit sosiopolitik dan ekonomi – tidak menghasilkan peristiwa untuk dilaporkan sebagai berita. Trend ini turut ditunjukkan oleh TS yang tidak menerbitkan edisi berita perniagaan pada hari Ahad.

Kesemua akhbar menyediakan ruangan khas untuk COVID-19. Penggunaan nama khusus ini menunjukkan sifat peristiwa berita dan amalan pemberitaan yang digunakan oleh akhbar. COVID-19 ialah peristiwa berita yang berterusan untuk jangka masa yang tidak dapat dijangka selain berpotensi untuk berkembang dan berubah menjadikan amalan pemberian ruangan sebagai kaedah untuk akhbar melaporkan berita. Jelas bahawa sebagai peristiwa berita, COVID-19 dilihat sebagai *continuing news* dan *developing news*. Dalam membincangkan sosiologi bilik berita, Tuchman (1973) berkongsi tentang lima jenis berita yang digunakan sebagai definisi peristiwa untuk membantu pekerja berita (*newswriters*) menjalankan tugas mereka. *Continuing news* ialah berita berterusan tentang suatu peristiwa yang sama dan *developing news* ialah berita yang masih belum diketahui sepenuhnya semua fakta berkaitan. Dalam konteks ini, COVID-19 ialah peristiwa berita yang berterusan untuk jangka masa tertentu dan laporan berita perlu mengemaskinikan pelaporan mereka dengan maklumat dan perspektif baharu dalam setiap edisi akhbar. Ruangan ini bersifat sementara dan boleh dihilangkan apabila peristiwa berita tersebut berakhir.

Jadual 3 menunjukkan jumlah item laporan yang diterbitkan dalam ruangan tersebut. SCD dan TS dilihat memilih perkataan yang lebih evokatif dalam

penyampaian idea dan berupaya menimbulkan perasaan tertentu. Penggunaan perkataan ‘menentang’ dan ‘*battling*’ yang digunakan oleh SCD dan TS memberikan rangka dan membingkaikan tindak balas terhadap COVID-19 sebagai satu perjuangan atau penentangan. MO pula sangat umum dalam membingkaikan pendekatan akhbar tersebut terhadap COVID-19 sebagai peristiwa berita dengan menggunakan perkataan ‘corona’. BH tidak membingkaikan peristiwa berita COVID-19 dalam konteks peperangan dan pergelutan, tetapi penggunaan perkataan ‘penularan’ membawa makna yang lebih dekat dengan COVID-19 sebagai isu kesihatan. Kamus bahasa Melayu (prpm.dbp.gov.my) lebih cenderung mengaitkan makna ‘tular’ dan ‘penularan’ dengan makna perubatan. Perkataan ‘penularan’ mengandungi maksud meluas dan senyap, yang juga sinonim dengan ‘merebak’, sesuai dengan sifat virus. ‘Penularan’ dan ‘merebak’ juga membawa maksud ‘sukar untuk dibendung’. Dalam konteks ini, BH boleh dikatakan lebih cenderung untuk memberikan sifat kepada COVID-19, sementara SCD dan TS lebih menumpukan kepada maksud tindakan melalui penggunaan kata kerja (*battling*) dan frasa ‘bersatu menentang’. SCD lebih jelas dengan menggunakan perkataan ‘penyakit’ sebagai satu bentuk penegasan dan pengkhususan kepada COVID-19.

Jadual 4: Ruangan khas tentang COVID-19 dan jumlah item berita

Akhbar	Nama Ruangan	Jumlah Item Berita
<i>Sin Chew Daily</i>	Bersatu Menentang Penyakit Coronavirus	638
<i>The Star</i>	<i>Battling COVID-19</i>	144
<i>Berita Harian</i>	Penularan COVID-19	143
<i>Makkal Osai</i>	Corona	15

Dari segi jumlah berita dalam ruangan khusus ini, dapat dilihat bahawa BH meletakkan banyak item berita di bawah tema Penularan COVID-19 (22.7 peratus). Jumlah ini dilihat sebagai signifikan jika dibandingkan dengan amalan oleh TS (10.7 peratus). Ini menunjukkan bahawa, berbanding dengan TS, BH menjadikan pemberian tema sebagai sebahagian daripada amalan penerbitan berita COVID-19. Walau bagaimanapun, dari segi peratusan, usaha SCD lebih signifikan dalam liputan tentang COVID-19 sebagai berita berterusan (*continuing*) berkembang (*developing*), dengan 37.4 peratus.

Dapatan yang telah dibincangkan memperlihatkan bahawa kesemua akhbar yang dijadikan bahan kajian dalam tempoh yang dipilih meletakkan COVID-19 sebagai peristiwa berita yang penting. Jumlah item berita yang dihasilkan adalah tinggi dan berulang dengan tersebar dalam pelbagai ruangan. COVID-19 lebih

cenderung dilaporkan sebagai berita keras, kerana sifatnya sebagai gabungan antara *continuing* dan *developing news*. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa struktur piramid terbalik sebagai struktur lalai penulisan berita keras mendominasi cara COVID-19 sebagai peristiwa berita dalam akhbar di Malaysia. Sebagai satu bentuk genre, ruangan berita dalam negara, berita luar negara, berita perniagaan dan berita sukan merupakan berita yang cenderung untuk dilaporkan dalam bentuk berita keras. Kecenderungan terhadap berita keras juga bermaksud kecenderungan pihak organisasi berita untuk menumpukan kepada definisi rasmi peristiwa dengan memberikan fokus kepada suara rasmi sebagai sumber berita.

Dalam analisis kritis wacana media, aspek kehilangan atau ketidakhadiran (*absence*) ialah sama penting atau mungkin juga lebih penting daripada kehadiran (*presence*). Makna turut terkandung dalam kehadiran dalam jumlah yang sedikit atau tidak signifikan, dan untuk makna boleh turut dibaca dari segi kehadiran suatu peristiwa berita yang dilaporkan dalam jumlah teks laporan yang tinggi. Dalam konteks ini, maklumat tentang angka dan ruangan berupaya untuk memaknakan kaedah pelaporan COVID-19 sebagai peristiwa berita dan menyingkap peranan amalan organisasi berita dan pengaruh persekitaran masyarakat. Contohnya, dapat dilihat dalam ruangan seperti *Agama, Sastera dan Budaya* (ruangan dalam BH), *In and Around China* dan berita daripada Pulau Pinang (dua ruangan dalam TS), dan *India* (nama ruangan dalam MO). Kewujudan ruangan-ruangan ini menunjukkan karekter akhbar yang dikaitkan dengan kumpulan etnik yang tertentu di Malaysia dan pengaruh sosiobudaya dalam penghasilan berita akhbar di Malaysia.

Dapatan ini memperlihatkan bahawa penerbitan akhbar di Malaysia dipengaruhi oleh kemajmukan masyarakatnya. Akhbar yang diterbitkan di Malaysia dibentuk untuk memenuhi keperluan pembaca sasaran. Akhbar vernakular, ia memainkan peranan penting dalam memperjuangkan kepentingan kumpulan etnik tertentu dengan menyiarkan berita daripada perspektif sosiobudaya komuniti. Walaupun berbincang tentang peristiwa berita lain, kajian Yang et al. (2020) tentang isu tuntutan Laut China Selatan menyimpulkan hal yang sama. Kajian beliau tentang akhbar SCD menunjukkan akhbar tersebut mempunyai perspektif yang ketara menyokong negara China.

Kehadiran berita tentang COVID-19 dalam ruangan *Agama, Sastera dan Budaya* dalam BH menunjukkan bahawa pandemik turut dimaknakan sebagai isu agama (Islam) bagi pembaca BH. Ruangan *India* dalam MO boleh dilihat sebagai suatu amalan yang bersifat *commonsensical* sebagai sebuah akhbar vernakular, namun sebagai akhbar berbahasa Inggeris, kehadiran ruangan *In and Around China* menggambarkan kecenderungan TS untuk melatarbelakangkan etnik Cina sehingga mempengaruhi amalan penghasilan berita. TS juga dipunyai oleh parti politik *Malaysian Chinese Association* yang mewakili etnik Cina dalam parti

multi-etnik Barisan Nasional. Amalan ini juga boleh dikaitkan dengan aspek sosioekonomi selain daripada sosiobudaya. Menurut Yang et al. (2020), negara China ialah rakan dagang terbesar Malaysia, sementara Malaysia ialah rakan dagang ketiga bagi China. Apabila difahamkan bahawa aktiviti ekonomi utama masyarakat Cina di Malaysia ialah perdagangan, dan apabila dipertimbangkan perkaitan rapat akhbar TS dengan etnik Cina, kehadiran ruangan seperti ini memperlihatkan pengaruh kemasyarakatan dalam amalan penerbitan akhbar tersebut.

Bentuk perhubungan ini boleh menunjukkan maksud bahawa organisasi berita membuat andaian tertentu tentang pembaca atau mempunyai maklumat yang tertentu untuk memastikan berita yang disiarkan bermakna kepada pembaca mereka. Walau bagaimanapun, perhubungan antara pembaca dan berita boleh dilihat sebagai bersifat timbal balik dengan organisasi berita memberi tahu bahawa pembaca mereka – yang berbangsa India, berbangsa Cina atau beragama Islam – harus memberi perhatian kepada peristiwa tertentu daripada India, daripada China atau tentang agama.

Daripada kesemua akhbar yang dikaji, dua buah akhbar TS dilihat sebagai akhbar yang mempunyai banyak ruangan melalui akhbar mingguan dan keluaran khas seperti sisipan tertentu. *StarHealth*, dan SCD mempunyai ruang *Pengetahuan Perubatan*. *StarHealth* dalam tempoh kajian, tidak menerbitkan jumlah rencana yang signifikan tentang COVID-19, dari segi jumlah mahupun tajuk. Sementara ruangan *Pengetahuan Perubatan* mempunyai sembilan item berita tentang atau yang menyebut tentang COVID-19. Hal ini boleh difahami dalam konteks kewartawanan kesihatan di Malaysia. Rohana Amdan et al. (2020) menyarankan bahawa perpindahan daripada corak penulisan konvensional kepada corak penulisan yang lebih interpretif masih belum mampu diterapkan sepenuhnya dalam pelaporan berita kesihatan. TS dalam erti kata ini mempunyai kelebihan kerana penggunaan bahasa Inggeris memudahkannya untuk menyadur maklumat untuk diterbitkan berbanding akhbar lain. Walau bagaimanapun, kesimpulan yang lebih jelas tidak dapat dilakukan untuk akhbar SCD. Walau bagaimanapun, kajian Sue (2022) tentang COVID-19 dalam SCD turut menunjukkan bahawa akhbar tersebut bergantung kepada sumber rasmi. Hal yang sama dapat dilihat dalam akhbar lain dalam penyelidikan ini. Malahan kesemua kajian yang dibincangkan dalam makalah ini mendapati akhbar sangat bergantung kepada maklumat daripada pihak kerajaan. Maklumat yang sama, walau bagaimanapun tidak bermaksud diletakkan dalam ruangan yang sama untuk kesemua akhbar. Oleh itu, kesimpulan boleh dibuat bahawa amalan pemberian ruangan ialah amalan khusus yang diamalkan oleh akhbar secara individu. Pendek kata, amalan pemberitaan mempengaruhi jenis ruangan berita yang dihasilkan oleh pihak akhbar.

KESIMPULAN

Fokus untuk meneliti laporan COVID-19 dalam aspek ruang dan jumlah berita ialah satu usaha memahami amalan pengumpulan dan penghasilan berita akhbar berbilang bahasa akhbar di Malaysia. Amalan organisasi dapat dilihat terikat dengan identiti akhbar dalam persekitaran sosiobudaya-ekonomi-politik akhbar. BH dan TS dianggap sebagai akhbar arus perdana kerana secara linguistiknya, akhbar ini dapat diakses oleh semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang etnik dan bangsa, tidak seperti SCD dan MO yang dikategorikan sebagai akhbar vernakular. Pengklasifikasian TS sebagai akhbar arus perdana adalah kerana bahasa Inggeris tidak mengehadkan akses kepada kumpulan etnik-linguistik tertentu, hanya dipengaruhi oleh latar sosioekonomi. Dalam kes BH, walaupun akses tidak dihadkan dari segi linguistik, namun amalan pemberitaan dapat dilihat turut sarat dengan latar identiti sosioetnik dengan ruangan yang dilihat selari dengan identiti Melayu-Islam. Sementara itu, dalam masa yang sama, TS juga dapat dilihat sebagai lebih cenderung kepada identiti etnik Cina, dan Pulau Pinang.

Peristiwa berita COVID-19 boleh dilihat sebagai peristiwa yang boleh menyumbang kepada kewartawanan kesihatan di Malaysia. Namun, jika dilihat daripada dominasi bentuk berita keras berbanding rencana berbentuk kupasan dan pelaporan siasat (*investigative reporting*), akhbar Malaysia masih jauh ke belakang, terutamanya BH sebagai akhbar 'arus perdana'. Kesan pandemik COVID-19 kepada kewartawanan kesihatan di Malaysia hanya akan dapat ditentukan dalam jangka masa yang lebih panjang daripada tempoh kutipan data. Oleh itu, jawapan hanya dapat diperolehi dengan menjalankan penyelidikan yang melibatkan lebih banyak data dalam tempoh masa yang lebih panjang.

Bagi penyelidikan ini, terdapat beberapa kaedah lagi yang akan diterapkan kepada data yang dikutip untuk menjawab persoalan tentang laporan COVID-19 dalam akhbar-akhbar di Malaysia, terutamanya dalam memahami makna yang lebih mendalam. Dalam hal ini, terdapat cabaran yang tersendiri yang perlu dihadapi oleh penyelidik, terutamanya isu tentang kaedah dan kebolehcapaian data yang memerlukan kumpulan pengkaji yang terdiri daripada pelbagai etnik yang memahami kaedah analisis data berbentuk tekstual dan linguistik.

Namun, perbincangan ringkas ini diharapkan berjaya memberikan gambaran awal tentang pengaruh amalan pelaporan berita dan persekitaran sosiobudaya terhadap kandungan akhbar arus perdana dan vernakular Malaysia. Kesimpulan yang dapat dibuat pada peringkat awal ini menunjukkan bahawa pengaruh institusi lebih ketara mempengaruhi kandungan akhbar. Dapatan ini mengiyakan pandangan umum bahawa pengaruh sosiobudaya-ekonomi-politik mempengaruhi amalan

penerbitan berita sama ada secara sampingan atau lebih jauh dibenamkan dalam proses pemaknaan sesuatu peristiwa berita.

RUJUKAN

- Al-Afnan, M.A. 2020. Covid 19-the foreign virus: Media bias, ideology and dominance in Chinese and American newspaper articles. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature* 9(1). <https://doi.org/10.7575/aiac.ijalel.v.9n.1p.56>
- Amdan, R.B., Md Syed, M.A.B. & Abdullah, F.B. 2020. Keseimbangan pelaporan berita kesihatan dan amalan kod etika profesional kewartawanan di Malaysia: 'Abqari Journal' 23(1) (Sep. 2020): 267–287. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol23no1.276>.
- Blumler, J.G & Esser, F. 2019. Mediatization as a combination of push and pull forces: Examples during the 2015 UK general election campaign. *Journalism* 20(7), <https://doi.org/10.1177/1464884918754850>
- Breed, W. 1955. Social control in the newsroom: A functional analysis. *Social Forces* 33(4): 326-335. <https://doi.org/10.2307/2573002>
- Bosch T, dan Wasserman H. 2023. South African tabloid coverage of Covid19: The Daily Sun. *Media Culture & Society* 45(3): 656–67. doi: 10.1177/01634437221140514.
- Bunce, M. 2017. Management and resistance in the digital newsroom. *Journalism* 20(7), <https://doi.org/10.1177/1464884916688963>
- Djerf-Pierre, M. dan Shehata, A. 2017. Still an agenda setter: Traditional news media and public opinion during the transition from low to high choice media environments. *Journal of Communication* 67(5): 733–757. <https://doi.org/10.1111/jcom.12327>
- Fairclough, N. 1995. *Media discourse*. London: Edward Arnold.
- Hadlington, L., Harkin, L. J., Kuss, D., Newman, K. dan Ryding, F. C. 2023. Perceptions of fake news, misinformation, and disinformation amid the COVID-19 pandemic: A qualitative exploration. *Psychology of Popular Media* 12(1): 40-49. <https://doi.org/10.1037/ppm0000387>
- Harcup, T. dan O'Neill, D. 2016. What is news? News values revisited (again). *Journalism Studies* 18(12): 1470-1488. <https://doi.org/10.1080/1461670X.2016.1150193>
- Jo W., Lee J., Park J., Kim Y. 2020. Online information exchange and anxiety spread in the early stage of the novel coronavirus (COVID-19) outbreak in South Korea: Structural topic model and network analysis. *Journal of Medical Internet Research* 22(6). <https://doi.org/10.2196/19455>
- Krawczyk, K., Chelkowski, T., Laydon, D. J., Mishra, S., Xifara, D., Gibert, B., Flaxman, S., Mellan, T., Schwämmle, V., Röttger, R., Hadsund, J. T., Bhatt, S. 2021. Quantifying online news media coverage of the COVID-19 pandemic: Text mining study and Resource. *Journal of Medical Internet Research* 23(6). doi: 10.2196/28253
- Lowry, W. (2011). Institutionalism, news organizations and innovation. *Journalism Studies* 12(1): 64-79. <https://doi.org/10.1080/1461670X.2010.511954>

- Mahima, B.N., Tiwari, H.K., Mahapatra, P, Amudhan, S. & Rao, G.N. 2020. COVID-19 epidemiology: Through the eyes of vernacular newspapers. *Indian Journal of Public Health* 64(6), Suppl S2:217-20. <http://www.ijph.in/text.asp?2020/64/6/217/285606>
- Martins, N., Weaver, A.J. & Lynch, T. 2018. What the public “knows” about media effects research: The influence of news frames on perceived credibility and belief change. *Journal of Communication* 68(1): 98–119. <https://doi.org/10.1093/joc/jqx004>
- Nielsen, R.K., Fletcher, R., Newman, N., Brennen, J.S. & Howard, P.N. 2020, April 15. Navigating the ‘infodemic’: how people in six countries access and rate news and information about coronavirus. *Reuters Institute for the Study of Journalism (RISJ)*. <https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/infodemic-how-people-six-countries-access-and-rate-news-and-information-about-coronavirus> (diakses 15 Ogos, 2023).
- Pantti, M., Wahl-Jorgensen, K. & Cottle, S. 2012. *Disaster and the media*. New York: Peter Lang.
- Papapicco, C. 2020. Informative contagion: The coronavirus (COVID-19) in Italian journalism. *Online Journal of Communication and Media Technologies* 10(3). <https://doi.org/10.29333/ojcm/7938>
- Parvin, G., Rahman, M.H., Ahsan, R. dan Abedin, M.A. 2020. Media discourse about the pandemic novel coronavirus (COVID-19) in East Asia: The case of China and Japan. *Social Sciences & Humanities Open*. SSHO-D-20-00188. <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3603875>
- Petrow, R. 1982. Gatekeeper exercises are effective, revealing, easy to construct. *Journalism Educator* 37(3): 10-41.
- Prodnick, J. A. dan Vobič, I. 2023. News sources in the sociology of the media. A critical re-examination. *Critical Sociology* 0(0): 1-18. <https://doi.org/10.1177/08969205231217306>
- Quinn, A. A. 2010. 30 years of bad news: The Glasgow University Media Group and the intellectual history of media and cultural studies, 1975-2005. PhD thesis, School of Social and Political Sciences, University of Glasgow.
- Richtel, M. 2020, Februari 6. W.H.O. Fights a Pandemic Besides Coronavirus: An ‘Infodemic’. *The New York Times*. <https://www.nytimes.com/2020/02/06/health/coronavirus-misinformation-social-media.html> (diakses 24 Jun, 2020).
- Rohizah, Halim. 2012. Media discourse and the production of meaning: Analysis of the Iraq war 2003 in Malaysian and British newspapers. PhD. thesis, Awang Had Salleh Graduate School, Universiti Utara Malaysia.
- Singer, J. B. 2005. The political j-blogger: ‘Normalizing’ a new media form to fit old norms and practices. *Journalism* 6(2): 173-198. <https://doi.org/10.1177/1464884905051009>
- Sue Chee Tong. 2022. Framing the news sources in COVID-19 news by Sin Chew Daily: Comparison between the early stages of the pandemic and endemic. *Higher Education and Oriental Studies (HEOS)* 2(6): 56-61, <https://doi.org/10.54435/heos.v2i6.87>
- Tuchman, G. 1973. Making news by doing work: Routinizing the unexpected. *American Journal of Sociology* 79(1): 110-131. <http://www.jstor.org/stable/2776714>
- United Nations Department of Global Communications. 2020, Mac 31. UN tackles ‘infodemic’ of misinformation and cybercrime in COVID-19 crisis.

<https://www.un.org/en/un-coronavirus-communications-team/un-tackling-%E2%80%98infodemic%E2%80%99-misinformation-and-cybercrime-COVID-19> (diakses 24 Mei, 2021).

- Westlund, O. & Ekström, M. 2019. News organizations and routines. Dalam *The handbook of journalism studies*, eds. K. Wahl-Jorgensen dan T. Hanitzsch, 73-89. London: Routledge.
- White, D.M. 1950. The “Gate Keeper”: A case study in the selection of news. *Journalism & Mass Communication Quarterly* 27(4): 383-390.
- Wong, J.C. 2020, April 10. Tech giants struggle to stem 'infodemic' of false coronavirus claims. *The Guardian*. <https://www.theguardian.com/world/2020/apr/10/tech-giants-struggle-stem-infodemic-false-coronavirus-claims> (diakses 27 Jun, 2021).
- Yang, L. F., Ponnann, R. & De Rycker, A. 2020. Different countries, different perspectives: A comparative analysis of the South China Sea disputes coverage by Malaysian and Chinese newspapers. *China Report* 56(1) (2020): 39–59.
- Zhou, X., Mulay, A., Ferrara, E. & Zafarani, R. 2020. ReCOVery: A multimodal repository for COVID-19 news credibility research. <https://arxiv.org/pdf/2006.05557.pdf> (diakses 27 Jun 2021)